

GOTONG-ROYONG JOM BERSIH BUKIT BINTANG 19 "WE CARE"

27 Mei 2023, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JASWPKL) telah menyertai Program Gotong Royong Jom Bersih Bukit Bintang 19 "We Care" dengan memfokuskan kepada Kempen Larangan Melakukan Pembakaran Terbuka.

Program ini telah dihadiri oleh 1,000 orang peserta dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Azmi bin Abdul Hamid Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL dan turut dihadiri oleh Puan Zuraini Ahmad Tajudin, Pengarah JASWPKL.

Program Ini bermatlamat untuk menzahirkan pembangunan lestari dan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selamat serta melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni serta peduli terhadap isu-isu alam sekitar.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh JASWPKL semasa program ini ialah sesi pameran kesedaran sempena Hari Alam Sekitar Sedunia, ceramah kempen mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka dan pendaftaran ahli baru Rakan Alam Sekitar.